

IQRA'



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak



BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK



uitmlibrary



libraryuitm



libraryuitm



library.uitm.edu.my



LIVE HD

Live@PTAR Siri 11 Bicara Pakar Bersama Profesor Dr. Normah Omar (Top Most Influential Women In Islamic Business & Finance) m/s 7

LIVE HD

Live@PTAR Siri 8 Bicara Pakar: "Institusi Beraja Lambang Kedaulatan Negara" m/s 6



LIVE HD



Live@PTAR Sabah Siri 1: Sesi Perkongsian Ilmu: Industri Madu Kelulut di Negeri Sabah m/s 34

LIVE HD

LIVE@PTAR UiTM Cawangan Sarawak@122 Astro & myFreeview: Perpustakaan m/s37



Kunjungan Hormat Ke Pejabat Penolong Rektor m/s22



Taklimat Validasi Penerbitan PRISMa

Tarikh: Isnin, 15 Mac 2021
Masa: 2.30 petang - 4.30 petang
Medium: Webex Meeting

SEMUA STAF AKADEMIK UiTM CAW. TERENGGANU DIJEMPUT HADIR.

Meeting link: <https://bit.ly/3qRFB8K>
Meeting Number: 184 793 8302
Password: EppN8kaKz9

Agenda: Persidangan dan validasi PRISMa dengan kerjasama Bahagian Penyelidikan, Pustaka & Rujukan, Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Terengganu.

Perpustakaan Cendekiawan UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT) dalam usaha mempergiatkan promosi pengurusan penyelidikan kepada staf akademik khususnya berkaitan Sistem Publication Repository Information System Management (PRISMa). Antara inisiatif yang dilaksanakan ialah termasuk penganjuran Taklimat Validasi Penerbitan PRISMa UiTMCT yang diadakan pada 15 Mac 2021, Isnin, melalui platform *Webex Meeting*. Taklimat disampaikan oleh En. Mohd Ismail Abidin (Timbalan Ketua Pustakawan) dan Pn. Siti Rohayu Yusof (Pustakawan Kanan) dari Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Shah Alam, manakala Research Management Center (RMC) UiTM diwakili oleh Dr. Saiful Izwan Suliman. Sesi yang berlangsung selama 2 jam ini telah dihadiri oleh seramai 66 orang penyelidik di kalangan staf akademik UiTM Cawangan Terengganu. Video rakaman taklimat juga diedarkan bagi membolehkan penyelidik yang tidak berkesempatan untuk hadir agar sama-sama mendapat maklumat berkenaan pengisian taklimat ini.

PELANCARAN PROGRAM 'DIGITAL LIBRARY2U'
UiTM CAWANGAN TERENGGANU



Program *Digital Library2u* UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT) telah dilancarkan oleh Perpustakaan Cendekiawan UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT) bermula hujung Mac 2021 dan dijangka akan berakhir bulan Mei 2021. Antara aktiviti yang diadakan di sepanjang program ini berlangsung adalah seperti Bengkel Mendeley dan Kelas Kemahiran Maklumat Atas Talian, UiTM *Digital Library Online Quiz*, *Library Street Day*, Taklimat Perpustakaan Digital dan banyak lagi. Berikut adalah aktiviti yang telah dilaksanakan pada bulan ini:-



Library Street Day: 24 Mac 2021, Rabu.
Lokasi: Kolej Perhentian, UiTMCT.

UiTM Digital Library Online Quiz.
Tempoh pelaksanaan: 23 Mac 2021 – 15 April 2021

Pelaksanaan program *Digital Library2u* UiTMCT ini adalah bertujuan untuk mempromosikan penggunaan sistem perpustakaan di samping meningkatkan kadar capaian koleksi digital dan sistem perpustakaan di kalangan warga UiTM Cawangan Terengganu. Sehingga hari ini, sambutan yang diterima amatlah memuaskan dan kami selaku pihak penganjur sangat berpuas hati dengan sokongan serta kerjasama yang diberikan. Semoga sama-sama mendapat manfaat daripada pelaksanaan inisiatif ini.